



JABATAN MUFTI NEGERI PAHANG

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

AL-QURAN PEMANGKIN KEKUATAN UMMAH

Tarikh:

11 APRIL 2021M / 11 RAMADAN 1442H

Disediakan oleh :

Bahagian Rujukan Fatwa

Jabatan Mufti Negeri Pahang

AL-QURAN PEMANGKIN KEKUATAN UMMAH

11 RAMADAN 1442H / 23APRIL 2021

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ تَحْمِدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِنِّيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *Subhanahu wa-Taala* dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu waTaala,

Bulan Ramadan adalah bulan diturunkan al-Quran. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallammelazimi amalan bertadarus dengan malaikat Jibril **as** pada bulan yang mulia ini. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surat al-Baqarah ayat 185:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزَلَ فِيهِ الْقُرْءَانُ هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِنَ
الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ

Yang bermaksud: “Bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadipetunjukbagisekalianmanusia dan menjadiketerangan-keterangan yang menjelaskanpetunjukitu dan membezakanantara yang benardengan yang salah...”

Dalam hadith riwayat Imam Bukhari, Ibnu Abbas berkata:

“Rasulullah Sallallahu alaihi Wasallam adalah manusia yang paling pemurah terutama pada bulan Ramadan ketika malaikat Jibril Alaihissalam menemuinya, dan Jibril Alaihissalam mendatanginya setiap malam di bulan Ramadan, lalu saling bertadarus al-Quran. Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu alaihi Wasallam orang yang paling pemurah dengan kebaikan (kepada orang yang memerlukan) lebih laju daripada tiupan angin.”

Sebagai umat Islam, kita mestilah bersungguh-sungguh menjadikan amalan membaca al-Quran sebagai ibadah harian, khasnya dalam bulan yang mulia ini dan selepasnya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Sesungguhnya Al-Quran merupakan kalam Allah yang mempunyai kehebatan yang tersendiri. Selain menjadi hidayah kepada manusia, membaca al-Quran juga membawa ketenangan dan menjadi sumber kekuatan dalaman. Hebatnya kuasa al-Quran ini hingga diterangkan dalam Surah al-Hasyr ayat 21:

لَوْ أَنَزَلْنَا هُذَا الْقُرْآنَ عَلَى جَبَلٍ لَرَأَيْتَهُ خَائِشًا مُتَصَدِّعًا مِنْ حَشْيَةِ اللَّهِ هُجَاجٌ
وَتِلْكَ الْأَمْثَالُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Yang bermaksud: “Sekiranya Kami turunkan Al-Quran ini ke atas sebuah gunung, nescaya engkau melihat gunung itu khusuk serta hancur berkecaci kerana takut kepada Allah. Dan (ingatlah), perbandingan ini Kami kemukakan kepada umat manusia, supaya mereka memikirkannya.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Ramai Sahabat Nabi Muhammad Sallallahu alaihi Wasallam yang memeluk Islam hanya kerana mendengar al-Quran. Walaupun semasa zaman jahiliyyah hati mereka itu keras, seperti Umar bin al-Khattab, tetapi al-Quran melembutkan jiwa mereka, lalu membina kekuatan yang sebenarnya hingga menjadi pemimpin dalam tamadun manusia.

Persoalannya, mengapa umat Islam zaman sekarang lemah walaupun al-Quran ada di sisi mereka? Antara sebabnya ialah kerana kita jarang mengulangi bacaan al-Quran. Sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad:

مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ فِي أَقْلَىٰ مِنْ ثَلَاثٍ لَمْ يَفْقَهْهُ

Yang bermaksud: “Barang siapamembaca al-Quran, kurang 3 kali (jarang membacanya)maka dia tidak akan dapat memahami atau menghayatinya.”

Sempena dengan Ramadan al-Mubarak ini, marilah kita mencari kekuatan yang ada dalam al-Quran, dengan memperbanyakkan bacaan, serta menghadiri majlis tafsir dan tadabbur makna al-Quran. Hanya dengan al-Quran sahaja umat Islam akan bertambah iman mereka sertamencintai agama ini dan hidup bersatu padu.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَحْلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيهِمْ عَلَيْهِمْ ءَايَاتُهُ
زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَى رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ

Yang bermaksud : “Sesungguhnya orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifat-Nya)

gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya bertambahlah iman. Kepada Tuhan mereka jualah mereka bertawakkal.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ。وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ إِمَّا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ。وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ。أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ